



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Maklumat Kesihatan Mengenai Jangkitan Virus Zika

SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI JANGKITAN VIRUS ZIKA

Dikemaskini 16 September 2016

1 Apa itu jangkitan Virus Zika?

Jangkitan Virus Zika adalah disebabkan oleh Virus Zika (dikenalpasti pada tahun 1947) yang merebak kepada orang ramai melalui gigitan nyamuk yang dijangkiti (*Aedes aegypti* dan *Aedes albopictus*). Orang yang dijangkiti biasanya menunjukkan tanda-tanda atau simptom ringan yang berpanjangan sehingga seminggu. Kebanyakan orang tidak mengalami sebarang simptom (sebanyak 80% dari yang dijangkiti). Walau bagaimanapun, jangkitan Virus Zika semasa hamil boleh menyebabkan kecacatan kelahiran yang serius yang dipanggil *microcephaly* (saiz kepala kecil dari yang biasa) dan lain-lain kecacatan otak yang teruk.

2 Bagaimana seseorang dijangkiti dengan Virus Zika?

Virus Zika biasanya menjangkiti seseorang melalui gigitan nyamuk Aedes yang dijangkiti, yang juga pembawa penyakit Chingkungunya, Denggi dan demam kuning. Wanita hamil yang dijangkiti dengan Zika boleh menjangkiti kandungannya semasa mengandung ataupun semasa waktu kelahiran. Selain itu, mereka yang dijangkiti dengan Virus Zika juga boleh menjangkiti pasangan mereka melalui hubungan kelamin.

3 Apakah tanda-tanda penyakit Virus Zika?

Virus Zika biasanya menyebabkan sakit ringan yang biasa seperti demam dan ruam selepas beberapa hari seseorang itu digigit oleh nyamuk yang telah dijangkiti. Walaupun sebahagian kecil pesakit tidak mengalami sebarang tanda tetapi sesetengah pesakit akan mengalami sakit otot, sakit sendi, sakit kepala dan konjunktivitis serta ruam dan keletihan. Tanda-tanda atau simptom-simptom tersebut boleh berpanjangan dalam jangka masa 2 hingga ke 7 hari. Tidak ada sebarang perbezaan bagi simptom-simptom yang dihadapi oleh wanita yang hamil ataupun tidak.

4 Apakah masalah kesihatan serius yang boleh dihadapi dari Zika?

Kebanyakan mereka yang dijangkiti dengan Zika tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda atau simptom ataupun jika ada menunjukkan simptom-simptom ringan akan bertahan selama beberapa hari hingga seminggu. Jangkitan Zika semasa mengandung boleh menyebabkan kecacatan kelahiran yang serius yang dipanggil *microcephaly* dan lain-lain kecacatan otak yang teruk. Kajian terkini juga menunjukkan penyakit Guillain-Barre syndrome (GBS), iaitu satu

penyakit sistem saraf yang luar biasa, berkait rapat dengan Zika. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian kecil orang dengan jangkitan Virus Zika baru-baru ini mendapat GBS.

5 Bagaimanakah orang ramai boleh mencegah jangkitan Virus Zika?

Cara terbaik untuk mencegah jangkitan Virus Zika adalah dengan melindungi diri sendiri dan keluarga daripada gigitan nyamuk kerana ianya adalah cara jangkitan utama. Wanita yang mengandung atau merancang untuk hamil dan pasangan mereka hendaklah mengambil langkah-langkah penjagaan untuk melindungi mereka daripada gigitan nyamuk yang membawa Virus Zika.

- Gunakan baju berlengan panjang dan seluar panjang.
- Tidur menggunakan jaring nyamuk jika bilik awda tidak mempunyai hawa dingin atau jendela yang berjaring, atau sedang tidur di luar rumah.
- Gunakan racun penghalau nyamuk yang dibolehkan dan patuhi label penggunaan.
- Kebersihan alam sekitar adalah penting dengan mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap kawasan pembiakan nyamuk seperti mengenal pasti dan menghapuskan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menjadi kawasan pembiakan nyamuk dengan mengosongkan, membersihkan atau menutup bekas yang boleh bertakung air walaupun sedikit, seperti bekas plastik, bakul, pasu-pasu bunga dan tayar.
- Tapak pembinaan adalah tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai *hotspots* bagi pembiakan nyamuk, dan oleh demikian, pekerja-pekerja dan tapak-tapak pembinaan perlu lebih berwaspada.

6 Bagaimanakah Virus Zika dikesan?

Awda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor, jika awda mempunyai simptom-simptom penyakit dan telah mengunjungi ke salah satu negara-negara yang terlibat. Doktor akan bertanya mengenai kunjungan terakhir awda dan simptom-simptom yang awda hidapi, dan mengambil darah atau air kencing untuk ujian Virus Zika atau virus yang sama, jika diperlukan.

7 Bagaimanakah penyakit Virus Zika dirawat?

Pada masa ini, tidak ada rawatan khusus atau vaksin bagi Virus Zika. Tanda-tanda penyakit Virus Zika boleh dirawat dengan rawatan sokongan seperti ubat-ubatan bagi sakit biasa dan demam, rehat dan meminum air yang banyak. Jika simptom-simptom menjadi lebih teruk, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat perubatan.

8 Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya sedang dalam perjalanan ke kawasan terjejas dengan Virus Zika?

Para pelancong/pengunjung perlu sentiasa maklum mengenai negara-negara terkini yang telah dikesan terjejas dengan Virus Zika, dan berjumpa dengan pihak kesihatan atau pelancongan tempatan jika ada sebarang kebimbangan.

Semasa lawatan awda, ikuti langkah-langkah perlindungan diri bagi mengelak diri dari gigitan nyamuk seperti memakai pakaian lengan/seluar panjang, memakai penghalau serangga, dan tidur di bawah kelambu atau di dalam bilik yang berhawa dingin. Mereka perlu mendapatkan rawatan perubatan dengan segera jika mereka merasa tidak sihat.

Walaupun awda tidak merasa sakit, awda juga perlu melindungi diri awda daripada gigitan nyamuk sehingga 3 minggu selepas pulang dari lawatan/kunjungan bagi mencegah jangkitan Virus Zika kepada nyamuk-nyamuk yang boleh merebakkan Virus Zika kepada orang lain.

Jika awda merasa tidak sihat selepas awda kembali dari kunjungan/perjalanan, sila berjumpa dengan doktor atau kunjungi pusat kesihatan untuk mengetahui sama ada awda perlu diuji untuk Virus Zika tersebut.

Awda perlu mengamalkan perhubungan seks secara selamat, contohnya, penggunaan kondom dengan konsisten dan betul semasa melakukan hubungan seks, atau mempertimbangkan menahan diri dari melakukan seks sekurang-kurangnya lapan minggu selepas awda kembali. Walau bagaimanapun, jika awda adalah pasangan lelaki kepada wanita mengandung, awda perlu mengamalkan seks selamat sepanjang kehamilan.

Wanita mengandung adalah dinasihatkan untuk berjumpa doktor mereka sebelum berkunjung ke tempat-tempat yang terjejas dengan jangkitan Virus Zika; wanita mengandung yang pasangannya tinggal atau berkunjung ke kawasan-kawasan terjejas dengan jangkitan Virus Zika perlu memastikan amalan seks selamat atau menahan diri daripada melakukan seks selama 6 bulan selepas kembali dari negara yang terlibat.

9 Negera-negara manakah yang terjejas pada masa ini?

Sehingga 16 September 2016, 70 buah negara dan wilayah telah melaporkan jangkitan Virus Zika melalui vektor nyamuk sejak tahun 2007. 53 dari negara-negara dan wilayah tersebut telah melaporkan jangkitan Virus Zika melalui vector nyamuk sejak tahun 2015. Brazil pula melaporkan jumlah kes yang terbesar iaitu di anggarkan lebih daripada 1 juta jangkitan pada tahun 2015.

Sebelum ini, jangkitan tempatan Virus Zika secara kelompok (*sporadic*) juga dikesan di beberapa negara di Asia Tenggara, termasuk Cambodia, Indonesia, Filipina, Malaysia, Vietnam, Lao PDR dan Thailand.

Sejak 16 September 2016, Singapura telah melaporkan 369 kes jangkitan tempatan Virus Zika.

Sila ikuti lamam sesawang WHO (<http://www.who.int/emergencies/zika-virus/situation-report/18-august-2016/en/>) untuk mendapatkan senarai terkini kawasan-kawasan yang terjejas.

10 Apakah respon Kementerian Kesihatan terhadap kes Jangkitan Virus Zika yang baru terjadi di Sabah dan Sarawak Malaysia?

Kementerian Kesihatan akan secara berterusan memantau perkembangan mengenai jangkitan Virus Zika serta mengukuhkan keupayaan negara ini untuk mencegah, mengesan dan mengawal Jangkitan Virus Zika. Orang ramai yang telah mengunjungi negara-negara atau ingin mengunjungi mana-mana negara yang terjejas dengan Jangkitan Virus Zika dan kemudiannya mempunyai tanda-tanda jangkitan seperti demam, ruam, merah mata, pening kepala dan sakit otot dalam tempoh 2 minggu selepas kembali ke Negara Brunei Darussalam adalah dinasihatkan untuk mengunjungi pusat kesihatan yang terdekat. Penularan Jangkitan Virus Zika di rantau ini menunjukkan pentingnya untuk meningkatkan kewaspadaan terhadap ancaman jangkitan tersebut. Oleh itu, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan adalah mustahak dalam mengambil langkah-langkah yang paling efektif untuk menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk. Sejurus, dapat memastikan alam sekitar yang bersih, sihat dan selamat ke arah pencegahan dan pengawalan Jangkitan Virus Zika.

11 Apa yang patut dilakukan oleh wanita-wanita hamil yang terpaksa mengunjungi atau baru saja mengunjungi kawasan yang terjejas dengan Virus Zika?

Jika awda perlu mengunjungi kawasan yang terjejas tersebut pada semasa mengandung, adalah sangat penting untuk mengelakkan daripada gigitan nyamuk dan mengambil langkah-langkah berjaga-jaga mengelak jangkitan Virus Zika melalui hubungan kelamin.

Jika perlu pergi ke kawasan yang terjejas, awda hendaklah mendapatkan nasihat daripada doktor dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan tekad dalam mengelakkan daripada di gigit nyamuk. Jika merasa tidak sihat, dapatkanlah rawatan secepat mungkin. Awda juga perlu berbincang dengan doktor awda apabila kembali ke Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan nasihat.

Wanita mengandung yang baru saja mengunjungi kawasan yang terjejas dengan Virus Zika hendaklah berjumpa dengan doktor mereka walaupun mereka tidak merasa sakit. Wanita mengandung perlu berjumpa doktor jika mereka mempunyai tanda-tanda jangkitan Virus Zika semasa lawatan mereka atau 2 minggu selepas lawatan tersebut.

12 Bolehkah ibu-ibu yang dijangkiti Zika Virus menyusukan anak damit mereka?

Virus Zika pernah dikesan di dalam susu ibu walaupun bagaimanapun tidak ada bukti yang menunjukkan virus tersebut mengjangkiti anak-anak damit melalui penyusuan susu ibu.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyorkan penyusuan susu ibu secara eksklusif bagi 6 bulan pertama.

13 Bagaimana Kementerian Kesihatan bersiap-sedia untuk kemungkinan terjadinya Zika di Negara Brunei Darussalam?

Kementerian Kesihatan terus mengukuhkan keupayaan untuk mencegah, mengesan dan mengawal jangkitan Virus Zika di Negara Brunei Darussalam.

Pencegahan jangkitan Virus Zika

- Unit Kawalan Vektor menjalankan pengawasan rutin, pemeriksaan alam sekitar dan pengurusan alam sekitar di kawasan *hotspots* nyamuk; mengawal, membasmi tempat pembiakan nyamuk melalui proses Pengurusan Vektor Bersepadu disamping kebersihan alam sekitar oleh orang ramai.
- Perhubungan risiko (risk communication) & pendekatan masyarakat seperti maklumat awam yang terdapat di laman web Kementerian Kesihatan (www.moh.gov.bn), MOH Facebook dan laman media sosial yang lain, Talian Darussalam 123; dan telah mengeluarkan kenyataan akhbar dan sidang akhbar mengetangahkan peranan utama penglibatan masyarakat.

Pengesanan jangkitan Virus Zika

- Semua doktor adalah diingatkan untuk menilai pesakit yang disyaki dan mempunyai sejarah perjalanan dalam tempoh 12 hari yang lalu ke negara-negara terjejas mengikut definisi kes.
- Makmal ujian algoritma untuk jangkitan Virus Zika telah dibangunkan untuk mengesahkan diagnosis.

Kawalan Jangkitan Virus Zika

- Kesediaan untuk pengurusan kesihatan awam bagi jangkitan Virus Zika seperti penyiasatan epidemiologi; pengawasan dan mengesan kontek terdekat bagi rakan seperjalananan dan warga serumah; dan piawai prosedur kawalan wabak jika terdapat pengimportan penyakit tersebut di negara ini.

- Jangkitan boleh didapati melalui gigitan nyamuk yang berada secara semulajadi dalam masyarakat, Kementerian ini menasihatkan orang ramai untuk mengamalkan kebersihan alam sekitar; menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk dan langkah-langkah bagi mengelakkan dari gigitan nyamuk.

14 Adakah Virus Zika boleh menyebabkan penyakit Alzheimer?

Walaupun beberapa kajian telah melaporkan kaitan di antara Virus Zika dan penyakit yang mempunyai persamaan dengan penyakit Alzheimer's iaitu jangkitan melalui tikus, siasatan lanjut perlu dilakukan untuk menguji dan memeriksa korelasi seperti yang dilaporkan. Persetujuan yang dicapai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), adalah bahawa dalam kebanyakan kes, Virus Zika adalah sederhana dan masih dapat dikawal.

15 Jika seorang wanita yang tidak hamil digigit oleh nyamuk dan dijangkiti Virus Zika, adakah kehamilan di masa depan berisiko?

Bukti masakini menunjukkan bahawa jangkitan Virus Zika tidak memberikan risiko kecacatan kelahiran untuk kehamilan di masa depan.

16 Adakah racun penghalau nyamuk digunakan oleh wanita mengandung?

Ya, racun penghalau nyamuk yang dijual di Negara Brunei Darussalam adalah selamat untuk digunakan oleh wanita mengandung. Awda juga boleh mencegah gigitan nyamuk dengan menggunakan pakaian lengan/seluar panjang, memakai penghalau serangga, dan tidur di bawah kelambu atau di dalam bilik yang mempunyai jandela yang berjarin atau bilik yang berhawa dingin.

NASIHAT KESIHATAN MENGENAI PERJALANAN PENDUDUK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE NEGARA-NEGARA YANG TERJEJAS DENGAN ZIKA

Dikemaskini 31 Ogos 2016

1. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang sekatan khusus mengenai perdagangan dan perjalanan yang berkenaan dengan perjalanan/pelancongan ke negara-negara yang terjejas oleh penyakit virus Zika (lihat Lampiran 1 bagi senarai negara-negara yang terjejas oleh Zika). Orang awam membuat perjalanan di antara negara-negara dan wilayah yang terjejas untuk pelbagai sebab. Cara terbaik untuk mengurangkan risiko penyakit adalah dengan mengikuti nasihat perjalanan kesihatan awam.
2. Berdasarkan penilaian risiko yang berterusan, penduduk di Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan ke negara-negara yang terjejas oleh Zika adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga pencegahan penyakit tersebut seperti berikut:
 - Langkah-langkah yang sesuai perlu diambil untuk mengurangkan risiko dijangkiti, termasuk mengelakkan dari gigitan nyamuk.
 - Pelancong-pelancong boleh melindungi diri daripada gigitan nyamuk dengan memakai baju berlengan panjang dan seluar panjang, memakai penghalau serangga, dan tidur di bawah kelambu atau di dalam bilik yang mempunyai jendela berjaring untuk mengelakkan gigitan nyamuk.
 - Virus Zika juga boleh dijangkiti melalui hubungan seksual. Oleh itu, pelancong-pelancong perlu mengamalkan hubungan seks secara selamat atau menahan diri daripada melakukannya semasa menginap di kawasan yang terjejas dengan virus Zika, dan sekurang-kurangnya selama lapan minggu selepas kembali pulang. Jika seseorang lelaki itu mengalami tanda-tanda penyakit virus Zika, mereka perlu mengamalkan amalan perhubungan seks secara selamat atau menahan diri daripadanya untuk sekurang-kurangnya selama enam bulan.
 - Bagi pelancong-pelancong yang pulang dari kawasan yang terjejas dengan virus Zika, awda tidak boleh menderma darah sekurang-kurangnya selama empat minggu selepas berlepas dari kawasan terjejas tersebut.
 - Wanita yang hamil adalah dinasihatkan untuk mengelakkan dari membuat perjalanan yang tidak diperlukan ke kawasan yang terus terjejas dengan virus Zika. Jika perjalanan dianggap perlu, maka awda perlu bercakap dengan doktor awda untuk mempertimbangkan risiko kepada diri awda sendiri dan anak dalam kandungan.
 - Wanita yang tidak sengaja untuk hamil atau mengetahui diri mereka telah hamil seurus selepas pulang dari kawasan yang terjejas dengan virus Zika, perlu menghubungi penjaga kesihatan mereka atau mengunjungi pusat kesihatan yang terdekat dengan segera setelah kembali.

- Pelancong-pelancong adalah dinasihatkan untuk mengetahui tanda-tanda jangkitan virus Zika iaitu demam yang ringan, konjunktivitis, ruam kulit dan sakit otot. Jika mana-mana pelancong menghadapi sebarang tanda-tanda jangkitan virus Zika, maka awda dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- Pelancong-pelancong yang baru kembali dari negara-negara yang terjejas dengan Zika adalah dinasihatkan untuk memantau kesihatan awda sendiri dan memata-matai sebarang tanda-tanda Zika untuk sekurang-kurangnya selama 14 hari. Awda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika awda menghadapi sebarang tanda-tanda yang disenaraikan di atas.

3. Berkenaan dengan vaksinasi:

- Tidak ada vaksin khusus terhadap penyakit virus Zika.
- Pelancong-pelancong adalah dinasihatkan supaya sentiasa peka akan tarikh imunisasi rutin awada. Ini termasuk vaksinasi influenza tahunan awda.
- Vaksinasi tambahan terhadap Hepatitis A, *typhoid* dan demam kuning juga adalah dinasihatkan .
- Pelancong-pelancong adalah dinasihatkan untuk mendapatkan vaksinasi sekurang-kurangnya 4 minggu sebelum tarikh perjalanan awda.
- Vaksinasi boleh diperolehi dari Pusat Vaksinasi, Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan di Ong Sum Ping atau di Pejabat Kesihatan Daerah-daerah semasa waktu pejabat.

Annex 1: Senarai negara-negara yang terjejas dengan penyakit virus Zika (dikemaskini pada 18 Ogos 2016)

Classification	WHO Regional Office	Country / territory / area	Total
Category 1: Countries with a first reported outbreak from 2015 onwards	AFRO	Cabo Verde; Guinea-Bissau	2
	AMRO/PAHO	Anguilla; Antigua and Barbuda; Argentina; Aruba; Bahamas; Barbados; Belize; Bolivia (Plurinational State of), Bonaire, Sint Eustatius and Saba – Netherlands*; Brazil; Cayman Islands; Colombia; Costa Rica; Cuba; Curaçao; Dominica; Dominican Republic; Ecuador; El Salvador; French Guiana; Grenada; Guadeloupe; Guatemala; Guyana; Haiti; Honduras; Jamaica; Martinique; Mexico; Nicaragua; Panama; Paraguay; Peru; Puerto Rico; Saint Barthélemy; Saint Lucia; Saint Martin; Saint Vincent and the Grenadines; Sint Maarten; Suriname; Trinidad and Tobago; Turks and Caicos; United States of America; United States Virgin Islands; Venezuela (Bolivarian Republic of)	45
	WPRO	American Samoa; Fiji; Marshall Islands; Micronesia (Federated States of); Samoa; Tonga	6
Subtotal			53
Category 2: Countries with possible endemic transmission or evidence of local mosquito-borne Zika infections in 2016	SEARO	Indonesia; Thailand	2
	WPRO	Philippines; Viet Nam	2
Subtotal			4
Category 3: Countries with evidence of local mosquito-borne Zika infections in or before 2015, but without documentation of cases in 2016, or outbreak terminated	AFRO	Gabon	1
	PAHO/AMRO	ISLA DE PASCUA – Chile**	1
	SEARO	Bangladesh; Maldives	2
	WPRO	Cambodia; Cook Islands**; French Polynesia**; Lao People's Democratic Republic; Malaysia; New Caledonia; Papua New Guinea; Solomon Islands; Vanuatu	9
Subtotal			13
Total			70

Nota: Kementerian Kesihatan Singapore telah melaporkan kes jangkitan tempatan virus Zika pada 27 Ogos 2016. Kes-kes yang lain telah dikesan semenjak tarikh tersebut.

Dokumen-dokumen Sokongan



ZIKA VIRUS

Apa Itu Zika?

Zika adalah sejenis virus yang dijangkiti melalui nyamuk *Aedes* yang juga merupakan pembawa penyakit denggi dan chikungunya.

Zika boleh menyebabkan:



Demam panas dan sakit kepala



Merah mata (conjunctivitis)



Sakit sendi



Ruam kulit



Tanda jangkitan bermula 2 hingga 7 hari selepas gigitan nyamuk



1 dalam 4 orang yang dijangkiti Zika akan mempunyai simptom



Hanya segelintir orang akan mengalami komplikasi setelah demam disebabkan oleh virus tersebut



Pan American Health Organization



World Health Organization
REGIONAL OFFICE FOR THE Americas

#zika
#FightAedes
#ZikaVirus
www.paho.org/zikavirus



ZIKA VIRUS

Bagaimanakah cara untuk mengelak penyakit Zika?

Caranya adalah dengan mengelakkan diri daripada gigitan nyamuk:



Memakai baju berlengan panjang dan seluar panjang sewaktu keluar rumah terutamanya pada waktu nyamuk sedang aktif waktu awal pagi dan malam



Menyapukan atau menyemburkan ubat penghalau nyamuk pada anggota terdedah



Tidur menggunakan kelambu penghalang nyamuk



Pastikan pasu-pasu bunga dan bekas tadahan dibuang airnya sekurang-kurangnya seminggu sekali, dan membuang bekas yang boleh menampung air seperti baldi dan tayar kereta didalam dan diluar rumah



Menghalang nyamuk dari memasuki rumah dengan menggunakan rawa pada tingkap-tingkap rumah

Mencegah pembiakan nyamuk AEDES boleh mengurangkan risiko untuk menghidap penyakit Zika, chikungunya dan denggi



Pan American
Health
Organization



World Health
Organization
REGIONAL OFFICE FOR THE
Americas

#zika
#FightAedes
#ZikaVirus
www.paho.org/zikavirus



ZIKA VIRUS

Apakah rawatan untuk Penyakit zika?

Tiada vaksin atau ubat untuk melawan virus ini
Hanya tanda-tanda seperti sakit badan dan demam dapat di rawat

Pesakit-pesakit yang mengalami tanda-tanda penyakit Zika hendaklah:



Banyakkan berehat



Memakai pakaian yang menutup
seluruh lengan dan kaki



Memakan ubat penahan
sakit & demam



Gunakan kelambu untuk
menghalang nyamuk semasa tidur



Banyakkan meminum air



Jika tanda-tanda penyakit menjadi semakin teruk, sila berjumpa
Doktor dengan segera



Pan American
Health
Organization



World Health
Organization
REGIONAL OFFICE FOR THE
Americas

#zika
#FightAedes
#ZikaVirus
www.paho.org/zikavirus

LINDUNGI RUMAH dan PERSEKITARAN awda

dari





VIRUS ZIKA



کمنتین کصیحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Bagaimana ia tersebar

Virus Zika merebak melalui gigitan nyamuk yang dijangkiti



1 dalam 5 orang yang dijangkiti akan merasa sakit

Virus dapat merebak melalui darah dan hubungan kelamin

Virus tersebut boleh menjangkiti dari wanita hamil kepada kandungannya dan boleh menyebabkan kecacatan kelahiran yang di panggil mikrosefali.

Bagaimana untuk menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk?

Nyamuk membiak telur-telurnya di dalam air yang bertakung. Tempat-tempat pembiakan yang sering didapati adalah kawasan rumah termasuk bekas-bekas makanan, lapik pasu bunga, bekas-bekas hiasan, longkang tersumbat, dan dalam tangki/mangkuk tandas. Berikut adalah antara langkah-langkah yang perlu dibuat dalam memastikan rumah dan persekitaran awda bebas nyamuk:

- 

1 Terbalikkan semua bekas-bekas penyimpanan air yang tidak digunakan lagi dan pastikan ia kering dan ditutup rapat.
- 

2 Gantikan air dan berus dalaman singki, tong-tong air dan pasu-pasu bunga sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk menghapuskan jentik-jentik nyamuk.
- 

3 Bot-bot atau bekas-bekas air yang tidak lagi digunakan hendaklah diterbalikkan supaya air tidak bertakung.
- 

4 Buang cawan-cawan plastik atau botol-botol air ke dalam tong sampah.
- 

5 Buang daun-daunan yang jatuh ke dalam longkang dan taman sekurang-kurangnya seminggu sekali dan pastikan peraliran air di dalam longkang tidak tersumbat.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT  123  

LINDUNGI DIRI DARI  **ZIKA**  SEMASA BELAYAR



Ibu yang mengandung adalah dinasihatkan untuk mengelakkan perjalanan yang tidak penting ke negara-negara yang terjejes oleh Zika

Tutup badan awda.
Gunakan baju lengan panjang dan seluar panjang



Lidungi diri awda.
Gunakan racun penghalau nyamuk

Jumpa doktor jika awda merasa sakit semasa atau 2 minggu selepas perjalanan awda



UNTUK MAKLUMAT LANJUT



123
www.moh.gov.bn



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

PENYAKIT JANKITAN NYAMUK: VIRUS ZIKA

1. Kementerian Kesihatan mengambil maklum tentang perkembangan status Zika di Negara Sabah, Malaysia. Pada hari Sabtu, 3 September 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaporkan bahawa seorang lelaki berumur 61 tahun di Likas, Sabah telah dijangkiti Zika dan merupakan jangkitan tempatan yang pertama di negara tersebut.
2. Situasi di rantau ini menunjukkan perkembangan di mana penyebaran penyakit virus Zika semakin meluas dan pada ketika ini telah merebak ke negara-negara jiran iaitu Singapura dan Malaysia. Walaupun tiada laporan kes jangkitan Virus Zika di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan terus berjaga-jaga disamping mengukuhkan kapasiti dalam mencegah, mengesan dan mengawal jangkitan dalam negara dan telah mengadakan '*Pelan Kesediaan bagi Pencegahan dan Kawalan Penyakit Virus Zika, Negara Brunei Darussalam*' sebagai persediaan.
3. Jangkitan Virus Zika disebabkan oleh virus yang dibawa oleh nyamuk *Aedes Aegypti*, iaitu nyamuk yang juga pembawa penyakit denggi dan chikungunya. Nyamuk *Aedes* merupakan nyamuk yang lazim didapati di negara-negara tropical termasuk Negara Brunei Darussalam. Secara utamanya, jangkitan ini merebak dari seorang individu yang mempunyai virus tersebut kepada seorang individu yang sihat melalui gigitan nyamuk *Aedes*. Jangkitan juga pernah dilaporkan terjadi dari ibu kepada anak dalam kandungan dan melalui hubungan kelamin.
4. Kebanyakan kes Virus Zika tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit. Walaubagaimanapun, hanya segelintir pesakit akan mengalami tanda-tanda penyakit seperti demam, sakit oto dan sendi, pening kepala, merah mata dan ruam. Jangkitan ini adalah lebih berisiko kepada wanita-wanita mengandung memandangkan ianya boleh menyebabkan kecacatan pada anak yang dalam kandungan. Jangkitan Virus Zika semasa kehamilan didapati menyebabkan microcephaly (saiz kepala menjadi jauh lebih kecil) bagi anak damit dan beberapa lagi kecacatan otak janin yang teruk. Kajian semasa menunjukkan Guillain-Barre syndrome (GBS), penyakit system saraf didapati berkaitan dengan Zika. Walaubagaimanapun, hanya segelintir saja daripada mereka yang dijangkiti Virus Zika mendapat GBS. Tidak ada rawatan khas atau vaksin untuk Jangkitan Virus Zika. Rawatan adalah bertumpu kepada penjagaan sokongan untuk merawat tanda-tanda penyakit bila difikirkan perlu.
5. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak merasa cemas dalam mengendarai situasi terkini daripada Malaysia. Kita harus membuat pendekatan secara sepenuhnya sebagai satu negara yang bersatu dan setiap individu hendaklah memikul tanggungjawab dalam mencegah penularan Virus Zika di Negara Brunei Darussalam. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan membasmi kawasan-kawasan pembiakan nyamuk. Kebersihan alamsekitar adalah penting dan kita hendaklah memastikan bahawa bekas-bekas yang boleh bertakung air walaupun sedikit, dikosongkan, dibersihkan dan ditutup seperti bekas plastic, baldi, pasu-pasu bunga dan tayar. Pastikan juga

kesemua longkang adalah dibersihkan, berfungsi dengan betul dan tidak tersumbat. Semua sampah sarap hendaklah di buang dengan betul.

6. Selain daripada pembasmian kawasan tempat pembiakan nyamuk melalui pembersihan alam sekitar, kita juga harus mengambil langkah-langkah bagi mencegah diri sendiri daripada digigit nyamuk. Ini termasuk menggunakan pakaian yang panjang, longgar, berwarna cerah yang menutupi kulit, menggunakan racun penghalau nyamuk dan elakkan daripada berada di luar di waktu subuh atau magrib (melainkan ianya perlu).
7. Berkaitan dengan larangan perjalanan, selari dengan garispandu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Kementerian Kesihatan tidak mengadakan larangan terhadap perjalanan ke negara-negara yang terjejas, atau pemeriksaan dan pengasingan pelancong-pelancong di pintu-pintu masuk. Walaubagaimanapun, wanita yang hamil adalah dinasihatkan untuk mengelakkan daripada mengadakan kunjungan yang tidak penting ke kawasan yang terjejas dengan Zika. Jika seorang wanita hamil dengan pasangannya baru saja kembali daripada mengunjungi negara yang terjejas dengan Zika, pasangan tersebut hendaklah mengamalkan hubungan kelamin yang selamat atau menahan diri daripadanya sepanjang tempoh kehamilan tersebut.
8. Ianya adalah penting bagi setiap individu yang telah mengunjungi negara-negara atau ingin mengunjungi mana-mana negara yang terjejas dengan Zika dan kemudiannya mempunyai tanda-tanda jangkitan seperti demam, ruam, merah mata, pening kepala dan sakit otot dalam tempoh 2 minggu selepas kembali ke Negara Brunei Darussalam untuk mengunjungi pusat kesihatan yang terdekat.
9. Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan situasi dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan rakan-rakan di dalam ASEAN. Kita terus berada dalam keadaan berjaga-jaga dan bersedia dan ingin menjemput kesemua pihak-pihak berkepentingan termasuk orang-orang awam untuk ikut serta sepenuhnya dalam usaha kebangsaan untuk mencegah dan mengawal Jangkitan Virus Zika dengan memastikan kebersihan alam sekitar. Untuk maklumat lanjut mengenai Virus Zika dan penyakit-penyakit bawaan nyamuk, orang ramai bolehlah mengunjungi laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau menghubungi Talin Darussalam 123.

- T A M A T -

Rujukan: KK/PR/3

Tarikh : 3 September 2016



كمنتريين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

سيان اخبار
PRESS RELEASE

SIARAN AKHBAR



كمنتريين قмбаغونن
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR BERSAMA

KEMENTERIAN KESIHATAN DAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

MENGENAI

PENYAKIT BAWAAN NYAMUK: *VIRUS ZIKA*

1. Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai langkah-langkah pencegahan penyakit bawaan nyamuk termasuk jangkitan virus Zika.
2. Di antara negara-negara yang terjejas dengan penyakit virus Zika, kebanyakannya, adalah terhad di rantau Latin Amerika dan Caribbean. Walaubagaimanapun, negara-negara jiran juga terjejas dengan penyakit ini. Alhamdulillah, setakat ini tidak ada kes jangkitan virus Zika dilaporkan di Negara Brunei Darussalam.
3. Jangkitan virus Zika ialah sejenis jangkitan yang dibawa oleh nyamuk *Aedes*. Nyamuk *Aedes* ini memang didapati di negara-negara tropika termasuk Negara Brunei Darussalam. Nyamuk ini sering membiak di dalam bekas-bekas yang boleh menakung air seperti tin-tin kosong, lapik pasu bunga, tayar-tayar yang terdedah dan sampah sarap yang terbiar. Pembiakannya didapati meningkat berlipat-ganda selepas musim hujan. Lazimnya, nyamuk ini akan keluar pada awal pagi dan lewat petang.
4. Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan akan sentiasa berkerjasama dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan vektor nyamuk *Aedes*. Langkah-langkah termasuk memastikan kebersihan alam sekitar, pengurusan sisa (*waste management*) dan penggunaan racun (di mana sesuai) untuk mengawal populasi nyamuk dewasa.
5. Langkah-langkah yang telah disebutkan memang berguna tetapi langkah yang paling efektif adalah menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk oleh orang ramai. Tindakan yang perlu dibuat adalah:
 - Buangkan air yang bertakung pada lapik pasu dan tukarkan air dalam pasu sekurang-kurangnya seminggu sekali. Pasu tersebut hendaklah juga dibersihkan dengan menggosok didalam pasu tersebut bagi menghapuskan telur nyamuk yang melekat didinding pasu berkenaan.
 - Bersihkan longkang-longkang yang tersumbat supaya air tidak ada bertakung.
 - Semua bekas yang boleh mengandungi air seperti botol, tin-tin, kontainer plastik dan tempurung kelapa hendaklah di tanam atau dibuang ke dalam tong sampah yang bertutup.

- Terbalikkan atau tutup rapat semua tempat penyimpanan air yang tidak digunakan lagi seperti baldi, tong dan sebagainya.
 - Perahu-perahu yang tidak digunakan lagi sebaiknya diterbalikkan supaya air tidak bertakung.
 - Jangan biarkan tayar-tayar lama terbiar dan terdedah dengan air hujan yang boleh menakong air. Lubangkan tayar-tayar untuk mengelakkan air bertakung. Langkah yang lebih baik ialah membuang tayar-tayar yang tidak digunakan lagi di tapak pelupusan sampah.
6. Sokongan dan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan adalah mustahak. Orang ramai perlu bersama-sama bertanggungjawab dalam mengambil tindakan-tindakan pencegahan pembiakan nyamuk.
7. Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan akan terus berusaha untuk melaksanakan apa jua tindakan yang diperlukan. Bagi sebarang pertanyaan tentang jangkitan virus *Zika* ataupun penyakit bawaan nyamuk, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn ataupun menghubungi *Talian Darussalam 123*.

-T A M A T-

Rujukan: KK/PR/3

Tarikh : 26 Zulkaedah 1437H / 30 Ogos 2016M



PENYAKIT BAWAAN NYAMUK: VIRUS ZIKA

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai 41 kes jangkitan virus Zika yang berlaku di Republik Singapura, sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan negara tersebut melalui media masa baru-baru ini. Kementerian Kesihatan tersebut juga melaporkan 34 daripada jumlah tersebut telah sembuh sepenuhnya (*maklumat diambil dari siaran akhbar bersama oleh Kementerian Kesihatan Singapura dan Agensi Persekitaran Kebangsaan Singapura, 28 Ogos 2016*).
2. Di antara negara-negara lain yang terjejas dengan penyakit virus Zika dan melaporkan penularan secara meluas (*widespread transmission*), kebanyakannya, adalah terhad di rantau Latin Amerika dan Caribbean.
3. **Alhamdulillah, hasil dari pemantauan berterusan Kementerian Kesihatan, setakat ini tidak ada kes jangkitan virus Zika dilaporkan di Negara Brunei Darussalam.**
4. Jangkitan virus Zika ialah sejenis jangkitan yang dibawa oleh nyamuk *Aedes Aegypti*, sebagaimana jangkitan yang menyebabkan demam denggi dan chikungunya. Nyamuk Aedes ini memang didapati di negara-negara tropika.
5. Menurut kajian perubatan, kebanyakan kes jangkitan virus Zika tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda atau simptom. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil pesakit boleh mengalami tanda-tanda seperti demam, sakit otot, sakit sendi, sakit kepala dan konjunktivitis serta ruam. Jangkitan ini juga berkemungkinan ada berkaitan dengan simptom neurologi dan mikrosefali (*microcephaly*) di kalangan anak damit yang baru lahir.
6. Tidak ada rawatan khusus bagi merawat ataupun vaksin bagi mencegah jangkitan virus Zika. Rawatan adalah lebih tertumpu kepada rawatan sokongan untuk melegakan tanda-tanda jangkitan, jika diperlukan.
7. Virus Zika adalah terdiri daripada *genus Flavivirus* di dalam keluarga *Flaviviridae*. **Virus ini boleh merebak dari seorang yang telah dijangkiti virus Zika ke seorang yang sihat melalui gigitan nyamuk jenis *Aedes*.** Selain itu, terdapat risiko kecil virus tersebut merebak melalui hubungan seksual.

8. Hasil pemantauan entomologi (serangga) menunjukkan terdapatnya nyamuk *Aedes* yang memang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Nyamuk ini sering membiak di dalam bekas-bekas yang boleh menakung air seperti tin-tin kosong, lapik pasu bunga, tayar-tayar yang terdedah dan sampah sarap yang terbiar. Pemiakannya didapati meningkat berlipat-ganda selepas musim hujan. Lazimnya, nyamuk ini akan keluar pada awal pagi dan lewat petang.
9. Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan langkah-langkah pemantauan, pencegahan dan pengawalan termasuklah pemantauan entomologi dan pengawalan vektor. Memandangkan keadaan yang sedang berlaku di Singapura serta perjalanan yang banyak dilakukan antara negara tersebut dan Negara Brunei Darussalam, maka terdapat risiko kecil pembawaan virus tersebut ke dalam Negara Brunei Darussalam melalui individu yang dijangkiti. Persediaan Negara Brunei Darussalam untuk mengurus kes pembawaan virus Zika adalah berpandukan kepada pengukuhan keupayaan negara untuk mencegah berlakunya mana-mana kes, mengesan kes-kes lebih awal dan mengawal perebakan untuk mencegah berlakunya wabak. Ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip teras Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR 2005). Penilaian risiko terhadap kemunculan situasi baru akan diteruskan dan garis panduan yang jelas telah pun disediakan bagi memastikan negara kita akan sentiasa bersedia untuk mengendalikan kemunculan virus tersebut.
10. Sokongan dan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan adalah mustahak. Orang ramai perlu bersama-sama bertanggungjawab dalam mengambil tindakan-tindakan pencegahan perebakan virus Zika di Negara Brunei Darussalam dengan mengambil langkah-langkah pencegahan pembiakan nyamuk seperti berikut:
 - Memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk dan meluangkan masa selama 10-30 minit sekerap yang boleh, sekurang-kurangnya seminggu sekali, untuk memeriksa kawasan kediaman atau bangunan masing-masing bagi memastikan kawasan persekitaran bebas daripada pembiakan nyamuk.
 - Memastikan semua longkang dan aliran air dalam keadaan bersih, berfungsi dengan baik dan tidak tersumbat.
 - Memastikan sampah sarap di buang dengan teratur dan tidak ada bekas-bekas yang terbiar yang boleh menakung air.
 - Memakai pakaian berlengan panjang dan seluar panjang dan mengelakkan dari memakai pakaian berwarna gelap kerana warna gelap akan menarik perhatian nyamuk.
 - Menggunakan semburan racun serangga, lingkaran ubat nyamuk atau kepingan penghalau nyamuk.
 - Menggunakan penghadang serangga (*insect repellent*) terutama bagi aktiviti luar, jika perlu.

11. Disamping itu orang ramai terutama sekali wanita yang mengandung yang akan mengunjungi negara-negara yang terjejas adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga seperti keterangan yang dinyatakan di atas.
12. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak menasihatkan untuk mengadakan sekatan perjalanan ataupun perdagangan ke atas negara-negara terjejas dan tidak menasihatkan penyaringan khusus bagi penyakit-penyakit tersebut di pintu-pintu masuk. Walaubagaimanapun orang ramai yang telah pun mengunjungi negara yang terjejas dan mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan di pusat-pusat kesihatan yang berdekatan.
13. Kementerian Kesihatan akan terus memantau kejadian jangkitan virus Zika dengan kerjasama pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dari semasa ke semasa dan melaksanakan apa jua tindakan yang diperlukan termasuk memaklumkan sebarang perkembangan mengenainya kepada orang ramai. Bagi sebarang pertanyaan tentang jangkitan virus *Zika* ataupun penyakit bawaan nyamuk, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn ataupun menghubungi *Talian Darussalam 123*.

- T A M A T -

Rujukan: KK/PR/3

Tarikh : 25 Zulkaedah 1437H / 29 Ogos 2016M